KE ARAH REFORMASI DALAM UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA*

Shaharir b.M.Z.
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya
riramzain@yahoo.com

0. Pendahuluan

Isu utama dalam universiti di Malaysia ialah yang berlegar sekitar keautonomian dan kecemerlangan universiti. Kedua-dua isu ini memang ada tindanannya tetapi dibicarakan berasingan. Keautonomian termasuklah perihal penetuan pemimpin universiti disegenap stratumnya, penubuhan bidang ilmu dan penawaran kursusnya, kaedah penyampaian ilmu, pengambilan pekerja/karyawan, kaedah penilaian prestasi kerja dan kenaikan pangkat. Kecemerlangan termasuklah status kecendekiawanan, kepengkritisan, kepenginovasian dan kepengaryaan pelajar dan tenaga pengajarnya, kemerdekaan minda sarjananya, dan budaya penyelidikan sarjananya. Semua ini dibicarakan secara berasingan dan pada akhir makalah ini sebuah senarai syor ke arah reformasi universiti awam kita diutarakan.

1. Keautonomian Universiti

Universiti awam amat rendah tahap autonominya, sehingga **sukar untuk menegakkan adanya autonomi** di universiti bukan sahaja segi pentadbiran am tetapi juga pentadbiran akademianya. Segala-galanya berpunca drp **wujudnya pengaruh politik yang tebal dan menebal dalam segala aspek perjalann sesebuah universiti.** Universiti awam yang berada di negeri-negeri yang semakin jauh daripada Pusat (Putra Jaya) semakin kuat pengaruh politik ke atasnya sehingga politik sekeliling kampus universiti itu pun mempengaruhi perjalanan universiti tersebut.

Pemimpin universiti bukan sahaja perlu berhati-hati dengan kehendak Menteri Pendidikan Tinggi tetapi juga dengan kehendak Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri di tempat universiti itu berada, bahkan dengan kehendak Ketua Cawangan/Bahagian parti berkuasa di daerah terletaknya universiti itu. Justeru jika ada seseorang pemimpin universiti mengatakan universitinya bebas daripada tekanan mana-mana pihak dalam menjalankan tugasnya, maka pendengarnya yang pernah berpengalaman menjadi warga university, lebih-lebih lagi pernah pula menjalankan tugas kepentadbiran di sesebuah universiti awam akan senyum-senyum sinis sahaja dan terasa kebebalannya terhadap pernyataan itu.

Penentuan pemimpin universiti dari peringkat Jabatan hinggalah ke peringkat tertinggi sesebuah universiti memang terkenal tanpa penyertaan kelayan universiti yang meluas dan bermakna sehingga memperkuatkan ketiadaan autonomi itu. Kelayan universiti bukan sahaja kerajaan, tetapi yang lebih bermakna lagi ialah warga universiti dan persatuan alumna universiti. Contohnya, dalam hal perlantikan Naib Canselor (NC), model perlantikan NC di university awam amatlah ketiadaan autonomi sesebuah universiti itu, walaupun sejak sekitar lima tahun kebelakangan ini fatamorgana perubahannya berlaku. Yang dimaksudkan itu sejak itu ada iklan jawatan TNC dan adanya jawatankuasa pemilihnya; tetapi

seringkalilah perlantikan rasminya mengejutkan jawatankuasa itu sendiri pun! Perlantikan NC sesebuah universiti awam jauh lebih rahsia terbuka puak-puak politik berkuasa semasa lagi. Sepatutnya pelantikan jawatan NC universiti di Amerika Syarikat boleh dijadikan iktibar. Di sana calon NC tidaklah rahsia, malah calon itu dipilih oleh jawatankuasa khas yang dinamainya Jawatankuasa Gelintaran yang dianggotai oleh para profesor dalaman pilihan ahli senat universiti berkenaan dan calon-calon itu kemudiannya perlu memberi sekurang-kurangnya syarahan umum di universiti bakal beliau menjadi NC itu masing-masingnya dengan tujuan membentangkan bidang kepakarannya dan wawasannya sebagai NC kelak. Para pendengar memberi pandangan balas terbuka dan sulit (undi setuju tidaknya) seseorang calon itu menjadi NC universitinya. Undi terbanyak bakal menjadi calon pilihan Lembaga Pentadbir Universiti berkenaan. Begitulah juga dengan calon TNC, Dekan dan ketua jabatan akademik dan sebagainya, terutamanya jika ada calon luar yang dipertandingkan.

Penentuan kursus/jabatan dsbnya selalu menunjukkan universiti tiada kuasa menubuhkan sesebuah jabatan bidang pengajian, bahkan sering "terpaksa" (tiada kuasa atau tidak berani) menolak sesuatu usul penubuhan jabatan/institut/pusat pengajian, penawaran kursus dari "pihak atas", bahkan penentuan kaedah penyampaian kursus sekali pun. Contohnya, penawaran kursus tamadun Islam, pelbagai tamadun, kajian etnik, keusahawanan, dan kemahiran insan/lembut (*soft skill*); penubuhan Institut Hadhari dan kerusinya, Institut pemikiran Mahathir, Institut Kajian Eropah, Institut Kajian Etnik,…, dan terbaharunya pewujudan Kursi Wasatdiyyah. Setiap satunya berasal daripada "kehendak" pemerintah/kerajaan sahaja. Sementara itu, penolakan Kementerian Pendidikan Tinggi (dahulunya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pelajaran) terhadap permohonan penubuhan sesebuah Jabatan/Institut/Fakulti/ Sekolah/ Pusat memang sering berlaku.

Penentuan kaedah penyampaian ilmu pun ditentukan/dipengaruhi oleh kerajaan seperti bahasa pengantar dan kaedah pengajaran dan penilaian. Umpamanya kini setiap universiti awam dikehendaki melaksanakan "kehendak" pemerintahnya supaya memakai "kaedah pembelajaran berasaskan masalah" dan "kesudahan pembelajaran" (bermakmumkan taksonomi Bloom) di setiap fakulti sedangkan kaedah ini berasal daripada kaedah pembelajaran di beberapa buah Fakulti Perubatan dan Kejuruteraan di Barat dan belum pun terbukti berjaya diterapkan di dalam bidang-bidang lain seperti sains matematik. Maka hilanglah sebuah medan penginovasian atau pengaryaan sarjana kita sendiri. Sepatutnya setiap universiti digalakkan mengadakan kaedah tersendiri yang dibangunkan oleh sekumpulan penyelidiknya sendiri yang bermatalamatkan keperluan pelajarnya yang kemudiannya mungkin terbukti berjaya sehingga boleh diekspot ke luar negara bagi menyaingi kaedah-kaedah ciptaan negara luar itu. Dalam hal bahasa pengantar, penulis sendiri pernah terlibat dalam perbahasannya di kalangan ahli senat di UKM pada tahun 2003 yang berlarutan hingga beberapa jam kerana pengerusi (Naib Canselor) mahu keputusan yang mengakuri kerajaan tetapi ternyata tidak semudah itu sehingga akhirnya pengerusi hanya menegaskan bahawa "pengInggerisan" (istilah yang digunakannya ialah "dasar bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar") universiti telah menjadi dasar kerajaan semasa dan UKM sebagai sebuah institusi kerajaan tiada pilihan lagi melainkan melaksanakannya sahaja. Segala perbahasan tujuan UKM ditubuhkan untuk memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang menjadi pokok perbincangan itu diabaikan sahaja. Kini tujuan UKM itu tinggal kenangan sahaja.

Dalam hal **pengambilan pelajar,** kuasa sesebuah universiti adalah terhad dalam penentuan bilangan pelajar dan siapa-siapa yang perlu diambil oleh sesebuah universiti dan seterusnya Fakulti dan Jabatan atau bidang pengkhususan. Sering kali politik berjaya mewarnainya.

Pengambilan pekerja (tenaga pengajar dan pentadbir) universiti juga selalu didengari dipengaruhi oleh pihak luar (politik). Sering kedengaran seseorang ditolak permohonan menjadi pekerja universiti kerana latar belakang politiknya atau keluarganya. Akhirnya, karyawan/pekerja universiti menjadi tiada tempat bagi penyuburan perbezaan pendapat, suatu yang bertentangan dengan kewujudan sesebuah universiti.

Kaedah penilaian prestasi pekerja universiti dan oleh itu kaedah pengiktirafan dan kenaikan pangkat tidak bebas pengaruh luar. Secara sedar atau tidak, suka atau tidaknya, seluruh sarjana kita berkarya dengan berpusatkan pada kehendak luar (Barat) sahaja kerana itulah kaedah yang dikehendaki oleh universitinya. Segala aspek kebudayaannya sendiri atau kearifan warisan bangsanya tidak diendahkannya lagi.

2. Kecemerlangan universiti

Universiti awam sejak akhir 1980-an menyahut seruan Kementerian supaya menerapkan kaedah pengurusan secara bermatlamat atau berperancangan strategi demi menggapai kecemerlangannya. Maka sejak itu setiap universiti awam mewujudkan wawasan, misi, matalamat, dan strategi mencapai matalamat dan sebagainya itu dengan bergaya dan ungkapan yang hebat-hebat dan muluknya mengalahkan universiti-universiti di Barat yang tidak dipertikaikan lagi tahap kecemerlangannya. Misi terkenal sehingga kini ialah sebuah ungkapan yang menjadi klise, "universiti bertaraf dunia" dan sebagainya. Namun strategi pengurusan universiti tiadalah dipumpunkan kepada unsur-unsur kecemerlangan sebenar sesebuah universiti seperti hal kecendekiawanan warga universiti dan lain-lain yang dibicarakan di bawah ini.

Pertamanya, universiti semakin **kegersangan cendekiawan masyarakatnya** atau cendekiawan awamnya. Umpamanya dalam tinjauan *The FOREIGN POLICY*/*Prospect* 2008 World's Top 100 Public Intellectuals poll (undian cendekiawan awam) yang seramai ½ juta orang mengambil bahagian penentuannya, didapati tiada seorang pun cendekiawan ini dari universiti di Malaysia (tetapi di Indonesia ada: Anies Baswedan - ahli sains politik, Presiden Univ. Paramadina, Jakarta, berada di agra/rangki yang ke-60. Sumber: http://www.prospectmagazine.co.uk/2008/07/intellectualstheresults/). Cendekiawan jenis ini ialah seseorang yang perihatin kepada isu-isu yang melibatkan masyarakat setempat, negeri, negara atau luar negara (yang berkaitan dengan dalam negara). Keperihatinannya menyebabkan seseorang cendekiawan itu kritis kepada isu-isu semasa, memberi pandangannya tanpa undangan/pengaruh mana-mana pihak, bahkan mendahului orang lain dan oleh itu menjadi jurucakap umatnya. Dalam tradisi Islam cendekiawan ini datangnya daripada mereka yang diperihalkan di dalam *al-Qur'aan* sebagai *ulil albab* (sebuah istilah yang malangnya turun martabatnya di Malaysia bahana mainan politik jenama Islam) atau terjemahan sarjana besar kita awal abad ke-17 M, Bukhary al-Jawhary sebagai budiman (yang juga berbeza dengan makna budiman sekarang). Cendekiawan masyarakat/awam ini sepatutnyalah ramai daripada kalangan akademiawan, bahkan daripada 100 orang senarai yang tersebut di atas itu 61 orang daripada kalangan akademiawan (diikuti oleh 22 orang novelis/penulis/wartawan, kalangan ahli politik, sasterawan dan wartawan; 8 orang agamawan, 3 orang ahli politik, selebihnya pelbagai). **Sepatutnya, pemimpin universiti kita menjadikan satu daripada matalamat utama**

kepemimpinannya melahirkan cendekiawan masyarakat kita ini, sehingga 60% daripada cendekiawan masyarakat kita terdiri daripada akademiawan dan mungkin sahaja seterusnya beberapa orang sarjana kita berada di dalam senarai 100 orang cendekiawan dunia itu, bukannya mengejar kedudukan berada di dalam 100 agra universiti dunia secara yang membelakangi pembangunan peradaban bangsanya sendiri seperti yang dibicarakan lagi dalam makalah ini kemudian. Universiti kita memang ketandusan cendekiawan yang dapat dirasai nikmatnya oleh rakyat setempat sekali pun. Yang ada ialah cendekiawan upahan atau cendekiawan ikhtisas, atau bagi akademiawan diistilahkan oleh Martin Anderson dalam buku laris jualannya, "*Imposters in the Temple*" terbitan Simon & Schuster 1992) sebagai akademiawan ikhtisas (*professional academics*), iaitu akademiawan yang memberi pendapat bagi pihak yang mengupahnya sahaja (yang memberi upahan terus dalam bentuk gran penyelidikan, atau elaun atau honorarium; atau di Malaysia perlu ditambah satu lagi ragamnya: upahan kefeudalan (menjanjikan penaungan politik dsbnya)). Dalam bahasa sinisnya mereka ini dikelaskan oleh Anderson sebagai "penyamar di biara" (*imposters in the temple*). Seluruh profesor di Malaysia hampir semuanya menjadi ademiawan jenis ini atau akademiawan nirmulut (tiada mulut) sahaja! Ahli badan-badan sarjana seperti Persatuan Sains Sosial Malaysia, Persatuan Ulama Malaysia, dan ratusan persatuan ilmuwan yang lain (persatuan berasaskan sains dan teknologi sahaja berjumlah hampir seratus buah yang kemuncaknya Akademi Sains Malaysia dengan anggotanya dianggap ilmuwan kemuncak di Malaysia) sunyi sepi tiada mulutnya sendiri. Jika dipaksa-paksa juga mewujudkan sebuah senarai siapa sianu cendekiawan dari kalangan akdemiawan Malaysia, maka adalah sekitar 50 (lima puluh) orang sahaja (yang sekali-dua mengeluarkan pendapat dalam sesuatu isu masyarakatnya dalam tempoh 20 tahun ini); sedangkan akademiawan di 5 (lima) buah "universiti hebat" kita sahaja pun berjumlah sekitar 15 (lima belas) ribu orang! Yang selalu bersuara dari masa ke masa tidaklah lebih daripada 10 (sepuluh orang) orang, itu pun tidaklah selalu mewakili umatnya, tetapi kepada menjadi jurucakap kuasawan sahaja.

Di kalangan pelajar universiti juga, sepatutnya ramai cendekiawan atau bakal cendekiawan masyarakat. Malangnya, dalam keadaan sekarang amatlah sukar mendapatinya. "Bapa borek anaknya rintik". Kalau pun ada satu-dua orang pemimpin mahasiswa cuba menampakkan daya kecendekiawannya, tetapi isu yang dibawanya masih terlampau menjurus kepada isu kemahasiswaan sahaja seperti "periuk nasinya" dan kehindupan kampus sahaja. Istilah "mahasiswa sebagai jurucakap ummah" tinggal kenangan mahasiswa 1970-an sahaja.

Apakah puncanya?

Kenapa pelajar bungkam? Selain daripada bahana AUKU yang sudah lumrah diperkatakan, punca daripada penyampaian ilmu dan jenis ilmu yang ada di universiti lebih besar sumbangannya.

Pendekatan ilmu dan penilaian pencapaian seseorang pelajar universiti sebenarnya tiada bezanya dengan di sekolah. Yang berbezaanya hanya judulnya yang tiada di sekolah atau isi "kefaktaan" dalam sesebuah judul yang sama. Tujuan utama sesebuah mata pelajaran di

universiti sama dengan di sekolah, iaitu supaya tahu fakta, dan lulus dengan cemerlangnya berasaskan soalan-soalan yang memerlukan jawaban curahan fakta itu. Jika diwawancara dengan seseorang pelajar yang lulus dengan cemerlang itu pun nescaya dapat diketahui rahsianya yang sama dengan cemerlangnya seseorang pelajar sekolah: ikut apa pensyarah beri, dan kaji soalannya yang lepas-lepas dan hafal catatan kuliahnya. Jika ditelaah bentuk soalan peperiksaan akhir setiap semester sesebuah mata kursus nescaya dapat disimpulkan, "tiada perlunya pelajar berfikir sangat " untuk menjawab soalan-soalan itu. Jika ditanya pembuat soalannya, "Kenapa soalan sebegitu yang diutarakan?" nescaya jawabannya, "Nanti ramai pelajar yang gagal, susah saya nanti!" (kerana dia kena "jawab" atau "mengadap"), atau "Habis, soalan macam mana lagi?". Rata-rata akademiawan, terutamanya sejak "gila-gila *ISI*" kebelakangan ini (dibicarakan lagi kemudian) tidak kesah kepada "pendidikan ilmunya" lagi. Jika diambil sampel, besar kemungkinan lebih daripada 90% akademiawan tidak tahu apa itu "pendekatan kritis", atau "teori daya pengaryaan"; atau menghargai "asal-usul sesuatu idea dalam bidang yang diajarnya, bahkan bidang ilmunya sekalipun". Setiap penyelidikannya hanya mengukuhkan idea orang sahaja (daripada penyelianya di Barat dahulu, atau daripada sarjana Barat lain)

Berkenaan bidang ilmu yang kaya dengan unsur-unsur pemikiran dan sebagainya, iaitu falsafah, atau sejarah idea dan sebagainya, tiada sebuah universiti pun yang menawarkannya kerana tiada pemimpin universiti yang percaya ilmu falsafah, perkembangan idea dan pemikiran itu penting untuk apa pun kecuali untuk menyusahkannya atau kuasawan semasa yang memayunginya atau diteduhinya. Jika ada pihak universiti yang memohon untuk menubuhkan sebuah jabatan falsafah, dan memang ada dalam tahun 1990-an dahulu, kementerian pelajaran/pendidikan memastikan permohonan itu tidak diluluskan. (Baharu ini sahaja penulis dimaklumkan universiti Malaysia Kelantan mendapat kelulusan penubuhan sebuah jabatan falsafah di Fakulti Media universiti tersebut hasil permohonan bertalu-talu daripada seorang Dekan di situ (yang memang dikenali umum sebagai sarjana di luar tempurung yang menjadi pempromosi falsafah). Namun, kalau pun betul demikian, ini hanya setitik dalam lautan!)

Satu lagi perkara penting dalam penentuan kecemerlangan sesebuah universiti, dan ada hubungan dengan kecendekiawanan (pelajar dan pengajar) itu, ialah kewujudan Budaya Kritis, Daya Inovasi dan Daya Karya. Memang universiti kita sudah gharib dengan istilah besar dalam dunia keilmuan, iaitu "kritis", "inovasi" dan "karya". Puncanya daripada masalah keautonomian dan kecendekiawanan di atas. Budaya ini mungkin lebih asas lagi, lalu dibicarakan berasingan ini.

Pertamanya pemikiran pelajar universiti kita memang terkongkong dan dikongkong oleh sebuah institusi terkenal, Hal-ehwal pelajar (HEP) universiti. HEP boleh dikatakan membunuh tiga budaya penting ini. Ini boleh dibuktikan dengan mudahnya apabila kita bercakap dengan pemimpin pelajar yang ingin membuat sesuatu projek kegiatan persatuannya atau projek minggu konvokesyen, atau minggu suai-kenal siswa baharu. Persoalan yang sering timbul apabila seseorang memberi syor supaya buat sesuatu kepadanya ialah, "ini tak mungkin diluluskan oleh HEP", atau "bolehkah buat ni?". Ini tidak menghairankan bagi mereka yang sudah biasa berinteraksi dengan pelajar kerana seseorang pelajar universiti yang mengundang seorang penceramah bagi kegiatan persatuannya juga perlu mengadap TNC (HEP) atau pegawainya, satu-satunya jawatan TNC yang termaktub di dalam Akta Universiti. Jalan

mudahnya, tentunya pemimpin pelajar memikirkan perkara-perkara yang TNC suka untuk mendapat kelulusan! Jalur kerja sebegini hanya memupuk feudalisme dan pakturutisme atau makmumisme, yang bertentangan dang budaya kritis, inovasi dan karya.

Pelajar juga tiada peluang untuk mengasuh tiga daya ini (kritis, inovasi dan karya) menerusi kursusnya seperti yang dibicarakan dalam hal jenis kursus, tujuan pembelajaran dan peperiksaannya sebelum ini. Yang tidak kurang pentingnya **yang mematikan tiga unsur ini ialah budaya "mengikuti kuliah" yang semuanya disuap**: catatan kuliah disiap dengan baiknya sehingga mungkin sekali seseorang juru kuliah berkenaan menyatakan dengan bangganya kepada pelajarnya tentang betapanya tidak lagi perlu pelajarnya membuat rujukan kerana catatan kuliahnya sudah "yang terbaik". Budaya mengedar catatan kuliah (atau memuatkan dalam komputer mesra pelajar) menjadi dasar fakulti/universitinya, iaitu pengajar yang tiada catatan kuliah "akan didenda" (mendapat "surat cinta", atau "diungkit pada masa-masa yang sesuai"). Budaya suap ini juga menghilangkan peluang mengasuh dan mengembangkan kemahiran pelajar mendengar-faham-catat, suatu kemahiran yang amat perlu dalam kehidupan.

Bagaimana pula dengan sebab-sebab kegersangan kecendekiawanan dari kalangan akademiawan?

Bagi akademiawan, **pengejaran kenaikan pangkatnya dengan kriterium yang semakin sempit** yang ditentukan oleh para pemimpin universiti yang semakin kebebalan itulah yang menjadi punca utamanya. Universiti kini semakin menjurus kepada hanya penyanjungam "akademiawan satu matra", iaitu akademiawan yang hanya menghasilkan makalah yang terbit di dalam jurnal yang diiktiraf oleh sebuah badan penerbit yang bernama Korporat Thomson (di Amerika Syarikat) yang menerbitkan Indeks Sitasi Sains (ISS) atau *Science Citation Index* (*SCI*) yang dimulai oleh *Institute for Scientific Information* (*ISI*) pada 1960 tetapi dibeli oleh syarikat Thomson sejak beberapa tahun ini. ISS/*SCI* menyenaraikan pengarang dan makalahnya di dalam sesebuah jurnal pilihan syarikat tersebut (hampir semuanya jurnal berbahasa Inggeris sahaja); dan *ISI* juga merekacipta sukatan ramainya pembaca sesebuah jurnal terbitannya yang diistilahkannya sebagai dampak atau *impact* jurnal berkenaan$^{(+)}$. Bermacam-macam galakan berupa wang (seperti honorarium kepada pengarang sehingga RM3 ribu per makalah ISS/*ISI* dari pihak universiti sarjana berkenaan) di samping merendah-rendahkan tulisan di dalam bahasa Melayu atau tempatan (tanpa harga dan dengan capnya "siapa baca?") di samping universiti menawarkan hadiah besar "naik pangkat" dan "sarjana ikon" (iaitu "pensyarah tak mengajar" kepada "sarjana yang banyak *ISI*" itu). Cap "siapa baca?" itu membayangkan tiada orang membaca karya dalam bahasa Melayu atau bahasa bukan Inggeris sedangkan statistik pembaca makalah yang direpositorikan ke dalam *myAis* (*Malaysian abstracting and indexing system*; sayangnya tidak juga dalam bahasa Melayu!) menunjukkan makalah dalam bahasa Melayu berada di agra yang tinggi-tinggi (10 makalah teratas hanya sebuah makalah dalam bahasa Inggeris) dan makalah yang ditulis dalam bahasa Melayu juga dirujuk oleh sarjana dunia malah ada yang menterjemahkannya.

Akibat akurnya kita kepada dasar kolonialisme akademia ini menjadikan bahasa Melayu dan penerbitan dalam negara terkembiri (jurnal *ISI* terbitan Malaysia dahulunya (sebelum diiktiraf oleh *ISI*) ialah jurnal dwibahasa, Melayu dan Inggeris, kini tinggal nama dwibahasa sahaja seperti *Jurnal Malaysiana* terbitan UKM dan *Bulletin Malaysian Mathematical Sciences*

Society, atau lebih hebat lagi dengan rasminya dan bangganya menukarnya kepada hanya dalam bahasa Inggeris sahaja seperti *Malaysian Journal of Computer Science* terbitan UM; sebenarnya ada 11 buah jurnal terbitan Malaysia yang mendapat taraf *ISI* tetapi yang lain memang semuanya daripada asal lagi dalam bahasa Inggeris sahaja). Benarlah, penilaian seseorang akademiawan berasaskan *ISI* semata-mata merupakan suatu amalan kolonialisme-baru akademiawan yang malangnya tidak diambil pusing oleh pemimpin universiti dan negara. China lebih agresif menentang aspek kolonialisme bahasa dalam *ISI* apabila negara itu berjaya (mulai 2007) mendapat pengiktirafan *ISI* ribuan jurnalnya yang banyak termasuk dalam bahasa Mandarin sehingga melonjakkan pula penerbitan *ISI* China di mata dunia (sumber: ceramah awam Profesor Pelawat di PDP, UM, dari Jerman, Prof. Arnt Graf). **Alangkah bahagianya umat Malayonesia jika politik bahasa ini dapat dimainkan oleh pemerintah berbahasa nasional bahasa Melayu** juga (terutamanya Indonesia dan Malaysia)!

Bayangkan pula betapa terjajahnya negara dan bangsa berbudaya *ISI* ini segi wang negara dan harta cendekiawan: Sesebuah makalah *ISI* banyak juga yang perlu dibayar oleh universiti berkenaan antara RM 1 ribu hingga hingga RM 3 ribu kepada penerbit jurnal itu dan makalah itu menjadi hak milik penerbit jurnal tersebut. Sudahlah **kita bayar untuk menghilangkan harta ilmu kita, ilmu kita diketahui dan mungkin dieksploitasi oleh Barat terlebih dahulu daripada sesiapa pun**; bangsa sendiri belum tentu membacanya kecuali pelajarnya seorang-dua untuk mendapat idea, menulis dan diserah kepada jurnal yang sama lagi! Mengikut McVeigh M.E. 2004, "Open access journal in the ISI citation datababase" di internet) dianggarkan 15% daripada jurnal *ISI* (terbitan Amerika Utara dan Selatan, Asia-Pasifik, Timur Tengah dan Afrika) berupa jurnal capaian terbuka/JCTb, atau *open access journal/OAP* dan oleh itu penulis makalah yang terbit dalam jurnal dikenakan cas sekitar RM 2 ribu per makalah. Dalam tahun 2011, lima buah "universiti hebat" kita menerbitkan 5,103 makalah *ISI* (data drp pejabat Canseleri UM) yang bermakna sekitar 765 buah makalah *ISI* yang dibayar, iaitu sebanyak sekitar RM 1.5 juta setahun wang negara dicurahkan kepada syarikat Thomson itu. Jika diambil kira semua penerbitan *ISI* dari universiti lain lagi (ada belasan buah universiti awam dan belasan buah universiti swasta lagi yang juga berusaha mencapai prestasi lima buah "universiti hebat" kita itu, maka dengan mudah rasanya negara mencurahkan RM 3 juta setahun kepada syarikat Thomson itu, demi mendapat "rasa diiktiraf dunia" terhadap sarjana kita. Atas pertimbangan apa pun "jualan harta cendekiawan" kita ini (dan ini semakin meningkat!) tidak berbaloi dan merugikan! Ini belum lagi dikira kos melepas yang lebih mahal lagi daripada **kehilangan calon-calon cendekiawan merdeka, dan kemerosotan kebudayaan (agama dan ilmu) sendiri**. Ini belumlah diambil kira "tertipunya kita denga status *ISI*" ini apabila mengenangkan bagaimana syarikat Thomson semacam bersekongkol dengan penerbit di Nigeria, *Academic Journals* (baru berumur 10 tahun), dengan mudah mengiktiraf jurnal-jurnal keluaran penerbit Nigeria ini (beri status *ISI* dan semuanya ada cas penerbitannya) sehingga seseorang "sarjana" yang bercita-cita besar mendapat taraf karya bersitasi tinggi beroleh demikian dengan cara seperti yang diperihal dan dikritik hebat oleh Harzing A-W. 2012, "How to become an author of ESI Highly Cited Papers?" yang tercapai di http:// www. harzing. com/ esi_highcite.htm.

Kita juga **"menipu diri sendiri" dalam menyanjungkan *ISI*** ini kerana bagi sarjana sebenar dalam sesebuah bidang salain SAKTI (sains, kejuruteraan, kesihatan dan teknologi) hampir pasti tidak merujuk indeks ilmunya dalam *ISI* kerana karya-karya indeks ilmunya yang dibuat oleh

institusi lain jauh lebih komprehensif cakupan dan sebarannya (ada ribuan indeks lain lagi selain *ISI*). Contohnya *Index Islamicus* untuk bidang keIslaman (susatera Islam, Timur Tengah dan Dunia Muslim), dan *BAS* (*Bibliographies of Area Studies*) untuk bidang kemanusian tidak dapat ditandinggi. Bahkan dalam bidang-bidang sains khusus seperti matematik dengan *Zentralblatt fur Mathematik* dan *Mathematical Reviews* (*MathSciNet*) tidak dapat ditandingi oleh indeks atau abstrak terbitan *ISI* atau mana-mana institusi lain pun. *ISI* dicipta dalam Zaman Perang Dingin untuk keperluan Amerika Syarikat. Maka karya-karya dalam bidang sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris sahajalah yang menarik perhatiannya sehingga dengan mudah mengalahkan karya dalam bahasa musuhnya, Rusia dan China.

Sejak ilmu menjadi bahan komoditi *ISI* bekerja dengan falsafah komersialisme dalam pendidikan ini dan tentunya menarik perhatian negara-negara yang mahu menarik pelajar asing ke universitinya. Untuk inilah ***ISI* mengambil kesempatan menolong secara menang-menangnya memajukan "pelancongan pendidikan"** negara-negara tersebut dengan mencipta agra/rangki universiti berasaskan jurnal *ISI* itu. Negara-negara yang berdasar pendidikan percuma sehingga ke peringkat universiti seperti Jerman tentunya tidak tertarik kepada agra universitinya sebegini. Andaian umumnya, universiti yang beragra tinggi akan menarik pelajar luar negara belajar di negara tersebut. Benarkah demikian? Data yang ada sekarang tidak menyokong andaian ini, bahkan faktor kebudayaan lebih penting lagi. Adakah negara seperti Malaysia benar-benar mahu pelajar asing berbondong-bondong belajar di peringkat ijazah pertama sekalipun yang sudahpun mengorbankan bahasanya untuk mencsapai cita-cita ini demi pulangan ekonominya sahaja? Ini dua isu yang membabitkan politik *ISI* yang perlu difahami dan yang malangnya nampaknya belum difahami oleh para pentadbir universiti dan kuasawan negara kita.

K**egilaan *ISI* menjadikan para akademiawan hanya pandai melaporkan hasil penyelidikan** (biasanya memang isu isoterik, atau mendalam yang hanya beberapa orang yang berminat membacanya kelak terutamanya di Malaysia) yang gaya penulisannya agak mudah kerana untuk khalayak sefikrah dan setarafnya sahaja. **Penulisan untuk khalayak yang lebih besar seperti menulis keilmuwan bertaraf "buku teks" atau lebih hebat lagi, "buku popular" untuk masyarakatnya jauh lebih tercabar segi daya kritis, inovasi dan karya itu langsung tidak menarik minat dunia ademiawan kita**. Sebenarnya, menulis buku teks atau popular dalam bahasa sendiri (Melayu, Mandarin atau Tamil) juga lebih berpeluang tercabar daya kritis, inovasi dan karya seseorang kerana bahasa membawa nilai tersendiri. Apatah lagi **penulisan semula sesuatu judul ilmu mengikut perspektif kebudayaan sendiri (agama dan bahasa) amatlah sarat dengan nilai baharu dan penuh daya kritis, inovasi dan karya. Semua ini jauh panggang dari api bagi dunia akademiawan kita sekarang** kerana satu lagi kegilaan akademiawan kita sejak PPSMI (Mahathirisme) dan sekaligus "pengejaran taraf dunia" yang mencicirkan kebudayaan dakapannya ialah menerusi pengakuran berlebih-lebih hanya kepada *ISI* dan bahasa Inggeris menjadi bahasa pengungkapan ilmu yang superior dan sekali gus **menjadi makmum Barat** sahaja. Akibatnya, daripada ilmuwan bertaraf profesor itu pun, kini dikatakan berjumlah sekitar 1,500 orang, tiadalah 5 (lima) buah buku jenis ini pun yang terhasil setahun! Negara kita memerlukan 20 ribu buah buku setahun dan kini angka ini sudah hampir tercapai sehingga membanggakan setengah pihak, tetapi tidaklah nampaknya dihiraukan oleh dunia akademiawan kita akan jenis buku yang terhasil itu. Daripada 15 ribu setahun yang terhasil itu, memang tidak sampai 100 buah buku keilmuan (yang bukan buku teks sekolah) di dalamnya!

Budaya menjadi makmum Barat dan pemerintah memang suatu yang mencekik daya kritis, inovasi dan karya bakal sarjana kita. Ilmu, kurikulum, pendekatan dan buku-buku rujukan yang dipakai di universiti tiadalah bezanya dengan yang di Barat, dan setengahnya perkara-perkara yang diarahkan/dikehendaki oleh pemerintah sahaja. Sarjana selesa, megah, gembira ria dan beraya dengan ilmu dari Barat, atau melaksanakan apa yang dikehendaki oleh kuasawan dalam (pemerintah negara) dan luar negara (Barat). Budaya makmum dengan mengundang imam terawih dari luar negara diperluaskan dengan hebatnya dalam dunia akademiawan kita dengan mengundang ilmuwan untuk apa sahaja kegiatan keperluan keilmuwan kita supaya lebih yakin lagi kebaikan sedia dan setia menjadi makmum selama ini. Kita hanya seronok menjadi makmun, munumpang tuah dan seronok memberi layanan istimewa kepada mereka sahaja. Kita menjadi satelit Barat, sarjana berhati-budi yang terpukau (*captivated mind, istilah* Sayed Husein al-Attas yang biasa diterjemah sebagai minda terpasung/minda tertawan), atau sarjana komprador (sarjana barua untuk orang asing).

Kaedah pencemerlangan Universiti yang kita sedang lalui kini juga suatu kaedah yang tersasar akibat jiwa makmum kita itu. Kecemerlangan univerisiti kini dikejari seperti sukan, iaitu memenangi pertandingan dengan cara apa sekalipun terutamanya dengan mengimpot pemainnya. Kaedah ini tidak bermatlamatkan kepada pembinaan kebudayaan (ilmu=bahasa dan nilai) sendiri yang menjadi tunggak kepada pembinaan tamadun/peradaban sendiri. Setengah pertandingan yang diikut serta dengan belanja mencecah jutaan Ringgit itu bukannya untuk dunia keilmuan tetapi untuk dunia pereka-ciptaan komuniti dunia bukan akademia, manakala pertandingan merebut agrasana (*high ranking*) juga tidak menepati matlamat kecemerlangan dalam acuan sendiri atau kecemerlangan sebenar kita sehingga peradaban kita sendiri sebenarnya tidaklah meningkat juga. Pertamanya, penekanan kepada penerbitan *ISI* yang telah disebutkan di atas sudah pun dihuraikan kepenyasarannya. Universiti telah juga nampaknya menipu dirinya dan bangsanya bagi menonjolkan **peningkatan penerbitan *ISI*-nya menerusi "beli-janji sarjana luar"** dengan mengundang sarjana luar itu berada di universiti berkenaan selama antara sebulan hingga tiga bulan sekadar menulis makalah (berasaskan penyelidikan di universitinya dahulu) untuk *ISI* beralamatkan universiti yang membelinya di Malaysia.

Bagi menyemarakkan penyelidikan tempatan, universiti menggalakkan kerja berkumpulan yang berlebih-lebih dan menjadikan bilangan penerbitan sebagai satu daripada indeks prestasi kekunci (IPK), atau yang sehingga kini malangnya dikenali sebagai *KPI (key performance index)*, yang penting. Ini menggalakkan **budaya penciplakan (penipuan karya) dalam sesebuah kumpulan penyelidikan**, iaitu meletakkan nama penulis bersama kepada setiap penerbitan yang ditulis oleh seorang daripada ahli kumpulan penyelidikan sehingga ada makalah yang kononnya ditulis oleh lebih daripada 5 (lima) orang sarjana hingga sampai kepada semuka surat penulisnya. Budaya ini ialah hasil perjanjian bersama ahli kumpulan itu dan timbullah istilah penulis itu sebagai "pembonceng gratis" (istilah seorang cendekiawan akademia nadir kita, Muhammad Shukri Salleh dalam tulisannya, "Sindrom 'Boncengan Gratis' dalam Dunia Akademik" yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada pertengahan tahun 2011), walaupun lebih tepat diistilahkan sebagai "penumpang muka tebal" sahaja (sebab lebih daripada seorang serentak dan tiadalah hubungannya dengan keIndonesiaan). "Penumpang muka tebal" ini sebenarnya penciplak gaya baharu. Budaya ini begitu menular sehingga "sarjana" yang tidak melakukannya dianggap "bodoh" kerana rakannya "yang cerdik" itu menghasilkan puluhan makalah setahun sedang "yang bodoh" itu menghasilkan satu-dua makalah sahaja setahun dan "mendapat surat biru" kerana prestasinya (IPK-nya) tidak memuaskan. Penulis sendiri cuba menghakis budaya penumpangan bermuka tebal ini dengan meminta para penulis makalah yang lebih daripada 3 (tiga) orang membuat perisytiharan bertulis

bahagian tulisannya atau ideanya dalam makalah berkenaan. Biasanya penulis sebenar makalah itu menyatakan sianu-sianu dalam senarai pengarang itu bolehlah digugurkan; atau permintaan itu tidak dijawab dan makalah itu mungkin dihantar ke tempat lain sahaja. Sehingga kini pihak universiti hanya pejam mata sahaja!

SYOR

1. Mewujudkan reformasi keanggotaan ahli Lembaga Univeriti supaya jumhurnya tiada individu berkepentingan politik, bahkan perlu tiada seorang pun daripada yang berjawatan politik.

2. Mewujudkan reformasi ragam penenetuan ketua-ketua pentadbir universiti (dari Pengerusi Lembaga Universiti hingga kepada Ketua Jabatan dsbnya) sehingga melibatkan kelayan universiti dengan menyeluruhnya.

3. Mewujudkan reformasi dalam penawaran ilmu/kursus dan kaedah penyampaian ilmu (kaedah dan penilaian) yang bebas ditentukan universiti (bahkan Fakulti), yang tidak bermakmumkan Barat tetapi hanya tertakluk kepada Perlembagaan Negara seperti tentang bahasa dan agama.

4. Mewujudkan budaya keilmuan dalam acuan sendiri bagi menggantikan budaya berpusatkan atau bermakmumkan Barat

5. Mewujudkan suasana penyuburan budaya kecendekiawanan (kekritisan, keinovasian dan kekaryaaan) yang jitu di kalangan warga univeristi.

6. Mewujudkan IPK/*KPI* yang lebih bermakna terhadap pembinaan peradaban sendiri, khasnya ilmu dalam acuan sendiri seperti memastikan ketiadaan pembonceng gratis, penulisan karya (buku dan makalah) dalam bahasa Melayu yang seimbang dengan bilangan karya dalam bahasa lain (Inggeris, Arab, dll.), dan sebuah buku dalam bahasa Melayu untuk setiap kenaikan pangkat.

7. Menghapuskan Akta Univeriti untuk pelajar, AUKU, dan kaki tangan kategori akademiawan (jarang disebut) “Tatatertib Guru”. Khususnya, jawatan TNC (HEP) dngan bidang tugas seperti sekarang itu dihapuskan.

8. Mewujudkan Suruhanjaya Universiti (yang keanggotaannya banyak ahli akademik yang bersara/tanpa kepentingan) bagi menilai kedududukan universiti kini dan membuat perakuan menyeluruh tentang perkara-perkara yang mampu meningkatan tahap pencapaian akademianegara ini.

9. Bekerjasama dengan pihak Indonesia untuk mendapat pengiktirafan *ISI* terhadap jurnal-jurnal yang bagus-bagus terbitan dua buah negara ini walaupun dalam bahasa Melayu seperti yang berlaku pada jurnal terbitan China itu.

Catatan Ujung

(+) Faktor Dampak (FD) atau *IF* (*Impact Factor*) sesebuah jurnal ialah sukatan purata bilangan sitasi yang diterima bagi setiap makalah yang diterbitkan di dalam jurnal tersebut dalam sekurang-kurangnya dua tahun yang lepas. Contohnya, jika jurnal ber-FD bernilai 3 dalam tahun 2011, maka setiap makalah di dalam jurnal itu dalam tahun 2010 dan 2009 menerima purata 3 sitasi dalam 2011. Cara pengiraan FD jurnal itu ialah *A/B* apabila

A= bilangan kali makalah yang terbit dalam tahun 2010 dan 2009 yang disitasi oleh jurnal berindeks dalam tahun 2011

B = jumlah bilangan "makalah tersitasikan"yang diterbitkan oleh jurnal itu dalam tahun 2009 dan 2010 ("makalah tersitasikan" biasanya adalah makalah, sorotan, pascasidang, atau catatan dalam jurnal tersebut tetapi tidak termasuk karya kepenyuntingan jurnal atau Surat-kpd-Penyunting).

Kelemahan FD memang banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak selain daripada yang diperkatakan di dalam makalah ini, seperti yang baharunya oleh Grzybowski A., "impact factor – strength and weaknesses", *Clinics in Dermatology* 2010, 28(4): 455 to 457; Vanclay J., "impact factor – outdated artifact or stepping stone to journal certificstion?" *Scientometrics* (2012) DOI 10.1007/s11192-011-0561-0. Ada di http://arxiv.org/ftp/arxiv/ papers/ 1201/ 1201. 3076.pdf; Brischoux F. & Cook T.R. 2009. "Juniors Seek an End to the Impact Factor Race". *BioScience.* Sep 2009, 59(8): 638; Elsaie M.L. & Kammer J. 2009. "Impactitis: the impact factor myth syndrome". Indian *Journal of Dermatology*; Jan-Mar 2009, 54(1): 83. Satu contoh indeks lain yang dianggap lebih baik daripada FD ialah indeks *h* yang diperihalkan oleh Bornmann L. & Daniel H-D. What Do We Know About the *h* Index? http://www.lutz-bornmann.de/icons/BornmannDanielHReview.pdf

%%%%%

* Makalah yang disediakan untuk bahan perbincangan *Mejabulat Halatuju Pendidikan Malaysia* anjuran Biro Pendidikan PKR, Selangor, pada 8 Sep. 2012, di Hotel Quality, Shah Alam. Ini versi pascasidang mejabulat itu yang disiapkan pada 22 Sep 2012.